

## **PENGAJARAN MEMBACA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA KEDUA: APLIKASI KEMAHIRAN DAN STRATEGI**

Izan Mohd Yusoff  
izanskkt@gmail.com

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff  
nikmrahimi@gmail.com

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Menurut Elaine Kolker Horwitz dalam bukunya *Becoming a Language Teacher-A Practical Guide to Second Language Learning and Teaching*, kemahiran dalam pengajaran membaca bahasa kedua merupakan proses yang kompleks dan memerlukan komunikasi aktif antara pembaca dan teks. Dalam menguasai sesuatu bahasa, aspek penguasaan meliputi kemahiran serta kefahaman menggunakan ayat, ungkapan dan teknik untuk memudahkan pelajar. Pembacaan intensif dan ekstensif serta teknik membaca SQ3R antara elemen penting yang boleh diaplikasi dalam pembelajaran kemahiran membaca bahasa pertama (B1) mahupun bahasa kedua (B2). Penulisan ini menampilkan kepentingan aspek pengajaran kemahiran membaca bahasa kedua dalam kurikulum bahasa Arab. Seterusnya jenis, kaedah bacaan serta bentuk bahan yang membantu dan perlu dititikberatkan. Pengajaran membaca bahasa kedua harus di sertakan dengan pengetahuan, strategi dan model sebagaimana hubungkait Model Kognitif Kefahaman McKenna dan Stahl yang menghubungkan tiga dimensi keupayaan pembaca dengan kefahaman. Hasil penulisan mendapati, daripada empat kemahiran asas yang perlu dikuasai dalam pengajaran kemahiran bahasa Arab, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang holistik dan perlu diberi keutamaan. Malah, kepentingan penguasaan kemahiran ini menjadikan kefahaman dalam kemahiran membaca bahasa kedua sebagai satu aspek pelajaran yang wajib bagi pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pengajian.

*Kata kunci: Kemahiran membaca, bahasa kedua, bahasa Arab*

## **Pengenalan**

Kepentingan kemahiran dan kecekapan membaca dalam pengajaran bahasa merupakan asas kepada penguasaan pembelajaran bahasa. Dengan menguasai kemahiran membaca, dapat menambahkan penguasaan kosa kata dan membantu pelajar menguasai bahasa kedua khususnya dan pelbagai bahasa secara amnya (Elaine Kolker Horwitz 2007).

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2007), kemahiran merujuk kepada kepandaian dan kecekapan sesuatu perkara, dan perkataan membaca bermaksud memerhatikan dengan teliti isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami isi kandungannya dengan rapi.

Membaca didefinisikan sebagai proses yang kompleks dan memerlukan komunikasi aktif antara pembaca dan teks yang dihasilkan oleh penulis. Proses membaca bukanlah sekadar membaca perkataan yang ditulis, sebaliknya ialah dengan mengambil kira bacaan yang betul dari pelbagai aspek. Ia merangkumi aspek isi, tatabahasa, kosakata dan sebagainya. Selain itu, mampu menyebut dengan betul, mengetahui makna perkataan yang dibaca, memahami petikan dan seterusnya memberi kritikan dan rumusan terhadap pembacaan tersebut, merupakan kemahiran yang melengkapkan proses pembacaan.

Selain itu, membaca ialah menyuarakan isi dan fikiran yang tertulis dan memahami kandungannya. Toeimah (1989) pula menyatakan proses membaca adalah suatu proses pengecaman, pemahaman, kritikan dan tindak balas yang merupakan suatu aktiviti akal fikiran yang memerlukan penglibatan setiap aspek personaliti seseorang pembaca. Sehubungan itu, kepentingan penguasaan kemahiran ini telah menjadikan kefahaman bacaan sebagai satu aspek pelajaran yang wajib bagi pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pengajian.

Melalui pembacaan, kita boleh meningkatkan asas pembentukan diri dan sebagai sumber ilmu pengetahuan. Menurut Yahya (2005), tujuan membaca ialah untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks yang memberi makna kepada pembaca. Dalam menguasai sesuatu bahasa, adalah tidak lengkap seseorang itu sekiranya tidak dapat menguasai kemahiran yang dipelajarinya. Dan dari sudut pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa istimewa di Malaysia, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang perlu dikuasai. Dan menurut Nik Rahimi (1998), kemahiran membaca ini kurang dipraktikkan secara meluas.

Dalam aspek penguasaan kemahiran serta kefahaman, pembacaan merupakan satu elemen penting sama ada dalam bahasa pertama (B1) mahupun bahasa kedua/asing (B2).

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan metode analisis kandungan. Data diperolehi dari literatur lepas, jurnal dan artikel berkaitan dengan tajuk kajian.

## Perbincangan

### Kemahiran Membaca Dalam Kurikulum Bahasa Arab

Di dalam Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, matlamat dan objektif PdP Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan adalah untuk menanam minat mempelajari asas bahasa Arab dan menguasai kemahiran berbahasa selain urusan komunikasi bersama individu lain dengan menggunakan ayat-ayat serta ungkapan-ungkapan yang berkaitan.

Manakala PdP bahasa Arab di Sekolah Menengah pula bertujuan untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran berbahasa (mendengar, membaca, menulis dan bertutur); mempraktikkan berbahasa melalui persekitaran dan konteks, membekalkan pelajar dengan perbendaharaan kata, tatabahasa, morfologi dan meningkatkan kemampuan dan kebolehan pelajar menggunakan bahasa Arab dengan tepat serta membina keperibadian dengan nilai-nilai murni dan akhlak mulia (JAPIM 2006).

Di Malaysia, pengajaran bahasa Arab telah meletakkan penguasaan dan kebolehan pelajar dalam empat kemahiran asas sebagai matlamat dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Awatif Abdul Rahman et al. 2017). Dan membaca merupakan kemahiran asas yang perlu dikuasai dan dipraktikkan untuk melengkapkan proses pembelajaran.

Oleh itu, penguasaan kemahiran bahasa Arab perlulah sentiasa dipertingkatkan dengan menggunakan teknik yang sesuai dan memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperolehi (Awatif et al. 2016). Selain itu bagi meningkatkan kemahiran membaca bahasa kedua, ia melibatkan proses yang perbagai iaitu menerima, memproses dan mengeluarkan semua maklumat yang didapati (Sylvester Lau Yueh Wei 2020).

### Jenis Dan Kaedah Pembacaan

Bacaan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu Bacaan Intensif dan Bacaan Ekstensif;

#### 1. Bacaan Intensif

Secara definisinya intensif bermaksud dengan giat dan bersungguh-sungguh (Kamus Dewan 2007). Pada asasnya, jenis bacaan ini bermatlamat memperkembangkan kebolehan dalam meneliti, mentafsir dan memahami apa yang dibaca dengan tepat. Memberi penekanan terhadap ciri-ciri tatabahasa, memerhati dan meneliti pembentukan dan penggunaan perkataan serta penggunaan bahasa dalam situasi yang bersesuaian. Dan terdapat 3 unsur yang harus diperhatikan dan dikembangkan dalam proses pembacaan meliputi unsur sukukata, perkataan dan perenggan (Sri Sudiarti 2015).

Bacaan Intensif merupakan kegiatan membaca yang menuntut ketelitian dan seharusnya di bawah pimpinan guru. Bacaan intensif dikaitkan dengan perkembangan pembacaan yang memberi penjelasan atau keterangan terhadap struktur yang sukar dan memperkembang perbendaharaan kata (Nik Safiah Karim et.al 1996). Ia juga berkait dengan ciri-ciri dalam tatabahasa (susunan perkataan dalam ayat dan erti perkataan menurut kamus). Selain itu bacaan secara laju dan mirip kepada latih tubi merupakan antara ciri bacaan intensif.

Tujuan bacaan intensif boleh dilihat dengan matlamat membolehkan pelajar membaca dengan baik. Selain itu, untuk melihat kebolehan pelajar menafsir dan membuat rumusan atau kesimpulan daripada apa yang dibaca. Bacaan yang baik perlulah betul dan jelas dari aspek intonasi, sebutan, tanda bacaan yang betul dan kelancaran.

Bacaan intensif boleh dijalankan secara perbincangan dalam kelas seperti menggunakan kamus sebagai rujukan tatabahasa. Dan guru perlulah mempelbagaikan aktiviti setiap hari dalam teknik pembacaan untuk mempertingkatkan kualiti pembacaan intensif ini.

## **2. Bacaan Ekstensif.**

Ekstensif dari sudut definisi bermaksud liputan secara meluas, dan bacaan ekstensif boleh dilakukan di dalam kelas secara bersendirian tanpa bimbingan guru. Ia menekankan aspek pengukuhan bacaan. Ia juga memberi kebebasan pelajar dengan membayangkan pelajar membaca tanpa kesukaran dan keseronokan dalam pembacaan. Bahan bacaannya perlu sesuai dan berbeza setiap hari

Bacaan ekstensif bertujuan agar pelajar dapat membaca dengan baik dan fasih selain memperkayakan perbendaharaan kata dan bahasa, struktur dan lain-lain. Selain itu dengan bacaan ekstensif, pelajar dapat meningkatkan mutu dan kepantasan membaca serta mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa dan ia lebih kompleks (Stoler 2002).

Proses pembacaan ekstensif boleh dilakukan tanpa bimbingan guru dan guru hanya bertindak sebagai pemudahcara. Pelajar diingatkan untuk memilih bahan bacaan dan mengkaji isi kandungan bersesuai dengan tema pdp. Bacaan boleh dilakukan secara laju dan pelajar seharusnya boleh membuat kesimpulan terhadap isi penting dari bacaan yang dibuat.

Terdapat pelbagai pandangan telah didapati mengenai definisi dan konsep kemahiran membaca, akan tetapi kesemuanya menjurus kepada asas dan kepercayaan yang sama iaitu sesuatu kefahaman bacaan yang berkesan terhasil daripada kesepakatan interaksi antara maklumat dan pengetahuan pembaca. Menurut Ridge (2011), konsep tersebut melibatkan dua interaksi dengan aspek kognitif terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:

Pertama, peranan penyahkodan (decoding) symbol atau lambang dalam menghasilkan maklumat. Kedua, keupayaan minda dalam membentuk pemikiran serta idea dan makna tersurat serta tersirat dari teks dan ketiga, kesepaduan dan penyatuan antara maklumat yang dapat dihasilkan dan difahami daripada teks dengan pengetahuan sedia ada pembaca.

Menurut Mohd Hazli Yah@Alias et.al (2019) antara objektif yang melibatkan proses kognitif dalam kemahiran membaca bahasa Arab bagi penutur yang bukan dalam kalangan Arab. Objektif-objektif tersebut adalah seperti:

1. Dapat membaca petikan bahasa Arab dengan mudah dan lancar.
2. Dapat mengeluarkan pandangan umum tentang petikan.
3. Mengeluarkan isi penting dari teks yang dibaca.
4. Mengetahui patah perkataan baharu yang sinonim dan menganalisis.

5. Mencadangkan tajuk sesuai bagi petikan yang dibaca serta menganalisis

Terdapat juga pendekatan dan kaedah lain yang diberi keutamaan dalam pembacaan iaitu:

### 1. Kaedah Fonetik

Fonetik menekankan penguasaan dan hubung kait antara huruf-huruf dan bunyi. Pelajar hendaklah membaca terus tanpa melalui proses mengeja terlebih dahulu. Pelajar akan membaca perkataan baru selain perbendaharaan kata sedia ada. Ini sesuai dengan asas bahasa yang terdiri daripada suukata yang hampir bunyinya seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Arab.

Antara pakar terkenal dalam kaedah ini ialah Dolores Durkin 1972. Antara tulisannya yang terkenal iaitu “*Phonics and The Teaching of Reading*” dan “*Phonics Linguistics and Reading*”. Kaedah ini secara asasnya ialah mengenal dan mengingati huruf-huruf dan bunyinya sahaja tanpa perlu mengingati pola suku kata (Dolores Durkin 1972). Selain itu, otak manusia mampu membaca dengan membunyikan (decoding) bunyi huruf dan bukan membunyikan nama-nama huruf. Oleh itu, bahasa yang terhasil dari gabungan bunyi-bunyi huruf, dan mengajar membaca menggunakan kaedah ini adalah yang terbaik (Nik Eliani Nik Nawi dan Othman Ahamad 1999).

### 2. Teknik membaca SQ3R (Survey-Question-Read- Recite-Review)

Teknik membaca SQ3R Survey (Tinjau), Question (Soal atau tanya), Read (Baca), Recite (Sebut atau imbas kembali), dan Review (Semak atau baca semula) yang diperkenalkan oleh Robinson (1970).

Teknik membaca melalui kaedah ini menyarankan pembaca membuat analisis mendalam tentang bahan yang dibaca. Teknik membaca SQ3R adalah teknik yang amat berkesan untuk pembelajaran bahasa (Awatif Abdul Rahman et al. 2016). Antara langkah-langkah membaca menggunakan teknik membaca SQ3R:

1. Pelajar perlu meneliti tajuk utama sepantas lalu bagi melihat idea keseluruhan.
2. Pelajar perlu untuk menukar tajuk utama menjadi soalan
3. Seterusnya membaca keseluruhan bahagian bagi mendapatkan jawapan.
4. Selepas membaca petikan, pelajar perlu menyusun idea dan isi penting dengan bimbingan guru,
5. Dan akhirnya menyebut tajuk utama bagi setiap bahagian, perenggan melalui ingatan bagi menjawab soalan.

Dari langkah-langkah yang telah disebutkan, kita boleh simpulkan bahawa teknik membaca SQ3R memerlukan keupayaan pelajar menggunakan mindanya secara optimum untuk hasil pembacaan yang berkesan. Selain itu, teknik SQ3R membolehkan pelajar untuk memperoleh maklumat daripada teks, memahami maklumat yang diperoleh serta mengingati maklumat lebih lama, dan dapat menggunakan semula maklumat yang disimpan dalam minda (Wan Dyarudin Wan Mustappa 2017).

### Bahan Bacaan Yang Membantu Kemahiran Membaca

Dalam konteks penguasaan kemahiran membaca terutama bahasa Arab, pelajar perlu memilih bahan bacaan yang sesuai. Bahan-bahan boleh didapati melalui pelbagai cara dan sumber seperti bertulis dan internet. Bahan bacaan bertulis kadangkala terbatas. Pelajar tidak bebas memilih bahan yang sesuai dengannya. Melalui sumber internet, pelajar boleh bebas melayari web dan

dapat memilih bahan yang sesuai untuknya. Pelajar boleh melayari pelbagai sumber media sosial dan web Arab dengan pelbagai bidang yang boleh dibaca seperti berita dalam negeri, berita luar negara, politik, sukan dan sebagainya.

Pembaca bahasa kedua tidak perlu membaca kesemua berita atau bahan tersebut, memadai dengan dengan memilih bahan tertentu sahaja. Yang utama ialah keinginan membaca walaupun sedikit. Melalui proses membaca ini, pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran. Walaupun mungkin menghadapi masalah tidak memahami perkataan, namun boleh diatasi dengan merujuk guru dan kamus (Rosni Samah 2009) dan (Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff 2008).


Dalam konteks pendidikan tinggi pula, pelajar digalakkan untuk mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber. Mereka membaca untuk pelbagai tujuan dan setiap pelajar mempunyai minat yang berbeza. Selain itu, tujuan membaca dipengaruhi juga oleh pemilihan dan bidang yang dibaca (Yahya Bin Othman 2006).

### **Strategi Dan Model Kemahiran Membaca**

Dalam strategi dan konsep membaca, terdapat model-model yang boleh dijadikan panduan. Sebagai penjelasan lanjut, McKenna dan Stahl (2009) membina kerangka model kognitif yang menghubungkan tiga dimensi keupayaan pembaca dengan kefahaman.

Tiga dimensi tersebut, pertama ialah melibatkan pengecaman perkataan, yang merangkumi beberapa peringkat asas seperti kesedaran fonologi, gambaran asas perkataan, penyahkodan dan kelancaran. Dimensi kedua iaitu keupayaan pengetahuan bahasa yang melibatkan tiga elemen utama iaitu kosa kata, pengetahuan sedia ada serta pengetahuan tentang struktur tatabahasa pada ayat. Manakala dimensi ketiga ialah pengetahuan tentang strategi bacaan yang menggambarkan pembaca mempunyai pendekatan dan strategi tertentu apabila berhadapan dengan satu-satu bentuk teks bacaan (Mohd Hazli Yah @ Alias et al. 2019).

Penjelasan dan hubungkait model ini ditunjukkan pada Rajah 1; iaitu Model Kognitif Kefahaman Bacaan seperti berikut:



Rajah 1. Model Kognitif

Kefahaman Bacaan McKenna dan Stahl

Terdapat pelbagai pendapat tentang pembacaan adalah disebabkan sukarnya untuk mendapatkan satu definisi yang tepat bagi menjelaskan maksud membaca. Ini berlaku berkemungkinan kerana kebanyakan pengertian yang dikemukakan adalah berbentuk separa dengan tumpuan kepada beberapa aspek atau bidang tertentu sahaja. Ia berbentuk khusus seperti aspek kognitif dan pengamatan, tahap perkembangan kemahiran, jenis bacaan dan lain-lain.

## Kesimpulan

Dalam pengajaran bahasa pertama dan bahasa kedua, kemahiran membaca serta kefahaman dalam bacaan dianggap sebagai salah satu aspek penting. Di Malaysia, kemahiran membaca adalah objektif utama yang perlu dikuasai dalam pembelajaran bahasa kedua.

Justeru, adalah wajar sekiranya Bahasa Arab yang merupakan elemen utama bagi umat Islam diberikan ruang untuk dibangunkan. Daripada empat kemahiran asas yang menjadi tunjang untuk dikuasai dalam penguasaan Bahasa Arab, kemahiran membaca merupakan kemahiran yang syumul dan diberi keutamaan. Malah, kepentingan penguasaan kemahiran ini telah menjadikan kefahaman bacaan sebagai satu aspek pelajaran yang wajib bagi pelajaran bahasa Arab di semua peringkat pengajian.

Oleh itu, berdasarkan perbincangan di atas, kemahiran membaca dalam bahasa khususnya bahasa Arab perlu terus diperkasakan dalam pelbagai aspek. Ia meliputi aspek kurikulum, metodologi, kemahiran, teknik dan strategi dalam pembelajaran. Selain itu, cabaran-cabaran pengajaran bahasa Arab di semua peringkat perlu dikenal pasti dan diberikan perhatian dalam usaha untuk mengatasinya. Antara langkah yang boleh dijalankan ialah dengan mengadakan perbincangan yang berterusan. Selain berbincang secara profesional, kaedah-kaedah kemahiran membaca terkini perlu terus digali, disamping penambahbaikan yang konsisten dalam pembinaan kurikulum bahasa kedua ini.

## Rujukan

- Awatif, A.R., Hairun Najuwah, J., Ku Fatahiyah, K.A. & Nor Syaidah, B. 2016. Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab di KUIS. *Research Gate* (May 2014): 1–12.
- Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Mat Isa. 2016. Penguasaan Bahan Bacaan Bahasa Arab Melalui Teknik Membaca Sq3R. *Journal of Social Sciences and Humanities* 3(3): 69–80.
- Awatif Abdul Rahman, Muhammad Khairi Mahyuddin, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Mat Isa. 2017. Teori Skemata Melalui Penguasaan Bahan Bacaan: Satu Proses Interaktif. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* (Special Issue)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. *Kamus Dewan*. Kamus Pela. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dolores Durkin. 1972. *Phonics, Linguistics and Reading*. (L. A. & Disciplines, Ed.). Columbia University: Teachers College Press.
- Elaine Kolker Horwitz. 2007. *Becoming A Language Teacher- A Practical Guide to Second Language Learning and Teaching*. (. Aurora Martinz Ramos, Ed.). USA: Pearson.
- JAPIM. 2006. *Buku Panduan Pelaksanaan Model-model Pengajaran dan Pembelajaran dan Kokurikulum j-QAF Tahun 1*. Kuala Lumpur.

- Mohd Hazli Yah @ Alias, Maimun Aqsha Lubis & Mahani Mohamad. 2019. Kemahiran membaca teks Arab sebagai bahasa kedua: Penelitian dari perspektif teori dan kurikulum. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2(1): 26–44.
- Nik Eliani Nik Nawi dan Othman Ahamad. 1999. *Bacalah Anakku 1-6*. One-Stop Language & Computer Consultancy.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, .Kamaruzzaaman Abdul Ghani. 2008. *Fan Tadris al -Lughah Al Arabia li nghairil Arab*. Cetakan Pe. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim,Farid M. Onn,Hashim Hj.Musa dan abdul Hamid Madmood, . 1996. *Tatabahasa Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ridge, E. 2011. Keiko Koda. 2005. Insights into Second Language Reading: A Cross-Linguistic Approach. Cambridge University Press. *Per Linguam* 24(2): 88–92.
- Rosni Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati*. USIM.
- Sri Sudiarti. 2015. Peningkatan Keterampilan Membaca Teks Arab Gundul melalui Aktifitas Membaca Intensif Berbasis Gramatikal : Studi Kasus Mahasiswa Bahasa dan Sastra Arab IAIN STS Jambi. *Fenomena* 7(1): 31.
- Stoler, W.G. and redika L. 2002. *Teaching and Researching Reading*. (C. N.Candlin, Ed.). Longman.
- Sylvester Lau Yueh Wei, A.K. 2020. Penggunaan kemahiran membaca Bahasa Melayu murid bukan penutur jati di Bintulu , Sarawak The proficiency of Malay Language in reading skills among non-native students at Bintulu , Sarawak. *Journal of Social Science* 6(1): 33–42.
- Wan Dyarudin Wan Mustappa, . 2017. Keberkesanan Teknik Membaca SQ3R Dalam Pengajaran Kefahaman Membaca di Sekolah Menengah. *Malay Language Education Journal – MyLEJ* 7(1): 2180–4842.
- Yahya Bin Othman. 2006. Proses Pemahaman Teks Akademik Dalam Kalangan Pelajar Universiti